

Bonus diperkenal tahun depan

BM 13 OCT 1990
KUALA LUMPUR: Kerajaan semalam mengumumkan sistem saraan baru yang lebih fleksibel bagi sektor awam, termasuk memperkenalkan imbuhan tahunan atau bonus bagi kakitangan kerajaan, berkuatkuasa 1 Januari tahun depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan sistem saraan baru itu berkata, imbuhan tahunan itu akan diberi dari semasa ke semasa, mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

Sistem itu juga mengandungi komponen berubah, di samping gaji pokok dan imbuhan tetap seperti Elaun Khidmat Awam, Elaun Keraihan dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah, katanya di sidang akhbar di Jabatan Perdana

Menteri, di sini.

Katanya, pemberian bonus adalah antara beberapa perkara tambahan yang diperkenalkan dalam prinsip Jawatankuasa Khas Kabinet 1976 untuk menjadikan SSB lebih baik dan menarik.

"Komponen berubah ini bertujuan memberi galakan kepada anggota, seperti bayaran insentif bagi perkhidmatan kritikal (perkhidmatan perlu seperti doktor dan jururawat mengikut keadaan) dan imbuhan tahunan yang akan diperkenalkan.

Serentak dengan pelaksanaan sistem saraan baru itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, struktur perkhidmatan awam akan turut diubah daripada 574 skim perkhidmatan yang ada sekarang kepada 19 klasifikasi perkhidmatan.

Bagi setiap satu daripada 19 klasifikasi perkhidmatan, akan diperuntukkan tangga gaji baru dalam bentuk Jadual Gaji Matrik (MSS) bagi menggantikan sistem sekarang.

"Kadar kenaikan gaji bagi sesuatu MSS adalah berbeza mengikut klasifikasi perkhidmatan berasaskan keperluan dan kepentingan bidang fungsi dan tanggungjawab klasifikasi perkhidmatan berkenaan. Kadar kenaikan gaji ditetapkan adalah berbeza di antara lapan dan 10 peratus," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kadar kenaikan gaji tahunan Kumpulan Sokongan adalah hampir sama dengan tuntutan kesatuan sekerja dalam Memorandum Pelarasan Gaji 1990.

Berdasarkan prinsip merit, katanya, pergerakan gaji tahunan boleh dilakukan melalui empat cara mengikut perbezaan prestasi, iaitu anggota yang berprestasi Cemerlang, Baik, Memuaskan dan Tidak Memuaskan, akan menikmati faedah pergerakan gaji yang berlainan mengikut MSS.

"Kakitangan dan pegawai kerajaan yang berpotensi dan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik dan cemerlang sudah tentu menikmati peluang peningkatan gaji yang lebih cepat," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada penilaian akan dibuat secara adil oleh ketua jabatan, beliau berkata, penilaian kakitangan bukan saja dibuat oleh ketua jabatan tetapi juga jawatankuasa penilaian khas.